04 SEPTEMBER 2026

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN PAHANG

Universiti Teknologi MARA dengan ini mempelawa calon-calon **Warganegara Malaysia** yang berkelayakan dalam bidang-bidang yang berkaitan untuk mengisi kekosongan jawatan Akademik di **Universiti Teknologi MARA Cawangan Pahang, Kampus Raub.**

1. JAWATAN : PENSYARAH SAMBILAN SEPENUH MASA (PTFT)

2. FAKULTI / BIDANG :

AKADEMI / FAKULTI	BIDANG
FAKULTI PERAKAUNAN	PERAKAUNAN
FAKULTI UNDANG-UNDANG	UNDANG-UNDANG
FAKULTI SAINS KOMPUTER DAN MATEMATIK	MATEMATIK

3. SYARAT LANTIKAN

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

(a) Warganegara Malaysia

(b) Syarat kelayakan

i. Mendapat kepujian dalam Bahasa Melayu di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau setaraf;

ii. Memiliki kelayakan Ijazah Sarjana Muda / Sarjana / PHD dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Universiti;

iii. Calon-calon mestilah memiliki CGPA 3.00 dan ke atas atau Kelas Kedua Tinggi untuk tahap kelayakan (Ijazah Sarjana Muda / Sarjana) yang diperlukan untuk peringkat pengajaran (Diploma / Ijazah Sarjana Muda);

iv. Menguasai Bahasa Inggeris (lisan dan tulisan) dengan baik;

v. Telah tamat pengajian sepenuhnya (sama ada di peringkat Ijazah Sarjana Muda atau Sarjana);

vi. Mempunyai rekod peribadi yang baik;

vii. Mempunyai pengalaman mengajar dan kemahiran menggunakan teknologi bagi tujuan pengajaran merupakan satu kelebihan.

4. PERHATIAN KEPADA PEMOHON

(a) Pemohon-pemohon lantikan terus hendaklah berumur **tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan.**

(b) Setiap permohonan **MESTILAH** disertakan dengan **SALINAN** dokumen berikut yang telah **DISAHKAN**:

- **Kad Pengenalan**
- **Sijil SPM/MCE, HSC/STPM atau setaraf**
- **Diploma, Ijazah Sarjana Muda, Sarjana, PhD (Skrol dan Transkrip Akademik Terperinci)**
- **Surat Pengiktirafan Kelayakan Akademik daripada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)**

(c) Hanya pemohon-pemohon yang layak dan disenarai pendek akan dipanggil untuk temu duga.Pemohon yang tidak menerima jawapan daripada pihak universiti selepas **tiga (3) bulan** dari tarikh iklan ditutup adalah dianggap tidak berjaya.

(d) Pemohon–pemohon mestilah bersedia untuk berkhidmat di Universiti Teknologi MARA Cawangan Pahang.

5. CARA- CARA MEMBUAT PERMOHONAN

(a) Permohonan hendaklah dibuat di dalam **Borang Permohonan Pensyarah Sambilan Sepenuh Masa (PTFT)** yang boleh diperoleh di Bahagian Pentadbiran, UiTM Cawangan Pahang, Kampus Raub atau melayari laman sesawang UiTM Cawangan Pahang di https://pahang.uitm.edu.my/index.php/en/

(b) Tarikh tutup permohonan adalah pada **11 SEPTEMBER 2026 (JUMAAT) JAM 5.00 PETANG.**

(c) Sila kemukakan permohonan kepada :

PENOLONG PENDAFTAR
BAHAGIAN PENTADBIRAN
UiTM CAWANGAN PAHANG
KAMPUS RAUB
27600 RAUB
PAHANG
NO. TEL: (09-351 5212 / 351 5210)